



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Tawaran Penajaan PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA DALAM NEGARA (LSPM)

Calon yang telah disenaraikan di <http://esilav2.jpa.gov.my> sahaja boleh memohon.

Penajaan berbentuk Pinjaman Boleh Ubah kepada pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya 9A+ untuk melanjutkan pelajaran di dalam negara. Penajaan secara berpakej daripada peringkat persediaan hingga Ijazah Pertama.

SALURAN PERTANYAAN

 03-8000 8000

SYARAT UMUM:

- Warganegara Malaysia;
- Mempunyai kesihatan yang baik;
- Ibu dan/atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat pengajian yang sama;
- Menduduki peperiksaan **SPM buat kali pertama**;
- Umur belum mencapai 19 tahun (20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki; dan
- Keutamaan diberikan kepada calon daripada latar belakang keluarga dengan kategori pendapatan B40 dan M40.